

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 07 SEPTEMBER 2017

MUKA SURAT: 16

**Melaka:** Kerajaan negeri menggesa Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melaksanakan pembinaan insinerator serta tapak pelupusan sampah kedua serentak bagi mengatasi masalah pelupusan sampah di negeri ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Idris Haron berkata, pembinaan insinerator itu sudah

## Bina segera insinerator, tapak pelupusan serentak

diluluskan Unit Perancang Ekonomi (EPU), namun hanya akan dibangunkan dalam fasa ketiga.

“Saya berasa terlalu lambat dan khawatir tapak pelupusan sampah kedua siap, tetapi insinerator masih belum boleh beroperasi.

“Jadi bagi menyelesaikan masalah, saya ca-

dangkan supaya insinerator itu dibina serentak dengan tapak pelupusan kedua dan ia secara tidak langsung memberi kita peluang mengosongkan tapak pelupusan pertama,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan Seminar Bandar Hijau, di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah (Sektoral) EPU Datuk Allauddin Anuar, Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Wira Othman Muhamad dan Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains Dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi negeri Datuk Wira Md Yu-

nos Husin.

Dalam perkembangan lain, Idris meminta pihak berkuasa tempatan (PBT) mewujudkan dasar penanaman pokok hijau bagi mengekalkan kehijauan negeri ini.

“Mungkin PBT boleh menetapkan setiap batang pokok yang ditebang, mereka

(pemaju) perlu menanam 100 batang pokok di sekitar Melaka.

“Kita boleh contohi negara jiran seperti Singapura mengekalkan penanaman 20 peratus pokok di kawasan bandar dan saya percaya kita boleh atasi pencapaian mereka jika ber-tegas,” katanya.